

27 JUN 1996

DR MAHATHIR DI KALANGAN 50 PEMIMPIN ASIA PALING BERKUASA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diletakkan di tempat keempat sebagai pemimpin Asia yang paling berkuasa, demikian menurut satu kajian yang dijalankan oleh sebuah majalah mingguan serantau.

Majalah berita berpangkalan di Hong Kong, Asiaweek, berkata di dalam terbitan 5 Julainya bahawa tiga orang pemimpin pertama paling berkuasa ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Jiang Zemin dari China dan Presiden Lee Teng-hui dari Taiwan.

"Senarai Kuasa 50 adalah satu evolusi lumrah bagi Asiaweek. Ia adalah pandangan yang berguna dan provokatif kepada kepimpinan dan bagaimana ia diamalkan di Asia. Kami merancang menjadikan Kuasa 50 sebagai isu tahunan," kata editornya Ann Morrison.

Dalam mengumpul senarai itu, katanya para editor Asiaweek menggunakan faktor-faktor penting untuk menyebarkan objektiviti dan parameter yang seragam seperti bentuk kuasa seseorang individu miliki dan lama tempoh mereka memegangnya, sama ada kuasa itu dikongsi atau bergantung kepada orang lain dan sama ada kuasa mereka sedang meningkat atau menurun, diperguna atau tidak dipergunakan.

Faktor-faktor lain termasuk bilangan rakyat dan wilayah dan kekayaan yang dikuasai mereka dan ke tahap mana.

Menggunakan kriteria itu, kata Morrison lebih daripada separuh daripada Kuasa 50 adalah pemimpin politik.

Turut di dalam senarai itu di tempat ke-28 adalah jutawan Hong Kong Li Ka Shing, pengerusi Cheung Kong Holdings dan seorang daripada 11 bilionwan di dalam senarai itu, dan di tempat ke-34 "Ketua Naga" kumpulan kongsi gelap Sunn Yee On, iaitu kumpulan samseng terbesar di dunia dengan dianggotai 34,000 orang di Hong Kong yang terutamanya terbabit di dalam dadah, perjudian dan pengeluaran wayang gambar.

Asiaweek, yang melaporkan mengenai politik, perniagaan dan kebudayaan Asia, mempunyai edaran diaudit berjumlah 110,000 naskhah dan dibaca setiap minggu oleh kira-kira 560,000 pembaca di seluruh Asia dan dunia. -- BERNAMA

YY OS/sia